

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

(Surah Al-Hujurat : 13)

Ayat di atas menerangkan mengenai kepelbagaian bangsa dalam Islam.

Berdasarkan ayat di atas;

- (i) Nyatakan maksud potongan ayat yang bergaris. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab turunnya ayat tersebut. [4 markah]
- (iii) Kepelbagaian bangsa dalam sesebuah negara akan melahirkan masyarakat yang harmoni.
Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ
يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ
(رواية البخارى)

Hadis di atas menerangkan tentang kelebihan berdikari.

- (i) Nyatakan maksud berdikari. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kelebihan berdikari. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** pengajaran yang dapat diambil daripada hadis di atas. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** jenis waqaf. [2 markah]

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



2 (a) Al-Muntaqim ialah satu daripada nama-nama Allah SWT yang wajib diimani.

(i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti kefahaman anda mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(iii)

KUALA LUMPUR – Sebanyak 5,319 kes buli membabitkan murid sekolah telah direkodkan berdasarkan data Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) sehingga Oktober lalu.

Sumber : Kosmo 15 Disember 2023

Berdasarkan kenyataan akhbar di atas, bagaimanakah keimanan yang jitu mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim dapat menyelesaikan masalah ini. [4 markah]

(b) Ahli Sunnah wal Jamaah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunah.

(i) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunah wal Jamaah. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunah wal Jamaah dengan Muktazilah berkaitan isu berikut:

(a) Adakah al-Quran makhluk? [2 markah]

(b) Kedudukan iman [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah wal Jamaah. [4 markah]

3 (a) Solat sunat Duha merupakan satu daripada solat sunat yang dituntut dalam Islam.

(i) Apakah maksud solat sunat Duha? [2 markah]

(ii) Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat Duha. [2 markah]

(iii)

Abu Dzar al-Ghifari meriwayatkan dalam hadis Qudsi Allah SWT berfirman :

Maksudnya : Wahai anak Adam kerjakanlah empat rakaat permulaan siang (solat Duha), pasti Aku cukupkan keperluanmu sampai ke petang.


(Riwayat al-Tirmizi)

Bagaimanakah anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan? [4 markah]

(b) (i) Nyatakan **dua** jenis talak.

[2 markah]

(ii)



Sumber: Department of Statistics Malaysia

Cadangkan langkah yang berkesan untuk menangani masalah di atas.

[4 markah]

(c) (i) Nyatakan **dua** rukun faraid.

[2 markah]

(ii)

Kajian kes:

Seorang isteri meninggal dunia dan mempunyai:

- suami
- bapa
- ibu
- seorang anak perempuan

Berdasarkan kajian kes di atas, selesaikan pembahagian harta pusaka berikut.

[4 markah]

4 (a) (i) Nyatakan fakta sejarah kerajaan Umayyah daripada aspek berikut;

(a) Pengasas

[1 markah]

(b) Pusat pemerintahan

[1 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan khalifah Umar bin Abdul Aziz.

[4 markah]

(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah.

[4 markah]

(b) (i) Nyatakan **dua** ketinggian akhlak Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam. [4 markah]


(iii)

• Salahudin al-Ayubi • Hasan al-Banna

Bagaimanakah keunggulan tokoh-tokoh Islam di atas dapat memberikan inspirasi untuk menjadikan anda insan yang cemerlang?. [4 markah]

5 (a) (i) Nyatakan maksud wasatiyah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** aspek kesederhanaan dalam wasatiyah. [4 markah]



(iii) Bagaimanakah amalan wasatiyah dapat menyelesaikan ketegangan di atas? [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud istiqamah? [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** cara anda memiliki sifat istiqamah. [4 markah]

(iii) Anas bin Malik r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَسْتَقِيمُ إِيْمَانُ عَبْدٍ حَتَّى يَسْتَقِيمَ قَلْبُهُ وَلَا يَسْتَقِيمَ قَلْبُهُ حَتَّى يَسْتَقِيمَ لِسَانُهُ ...

Maksud: Tidak istiqamah (tetap) iman seseorang hamba sehinggalah istiqamah hatinya dan tidak istiqamah hati seseorang hamba sehinggalah istiqamah lidahnya...

(Riwayat Ahmad)

Mengapakah hadis di atas penting diamalkan dalam kehidupan? Huraikan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT